

## **Kenyataan Hari Wanita Sedunia 2010 oleh YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng di Komtar Pada 8hb Mac 2010**

---

Kemaraan Wanita adalah kemajuan untuk semua. Tiada penyelesaian kepada masyarakat yang mampu bertahan lama tanpa penyertaan dan penglibatan kuasa daripada kaum wanita.

Adalah menjadi komitmen Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memberikan peluang yang saksama dan meluas kepada kaum wanita terutamanya di dalam perkhidmatan awam.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak hanya bermain kata malahan telah membuktikannya dengan memberikan peluang kepada kaum wanita untuk memegang jawatan penting dan menerajui perkhidmatan awam.

Malah, Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Semenanjung Malaysia yang telah melantik seorang wanita untuk menerajui Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan Arkitek Patahiyah Ismail menerajui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah berdasarkan kemampuan beliau dan bukan disebabkan warga kulit, agama, gender atau latar belakangnya.

Antara golongan hawa yang turut menjawat jawatan penting di Pulau Pinang termasuk:

- Hajjah Rohani binti Hassan sebagai Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
- Hajjah Shamiah Haji Bilal, Penasihat Undang-undang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- Dr. Judy Shoba Naidu a/p Robert Rajah, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- Puan Maimunah bt. Mohd. Sharif, Pengurus Besar, Pejabat Warisan Dunia
- Puan Salmah Aspari, Pengurus Besar Penang International Halal Hub (PIHH)
- Cik Ooi Geok Ling, Pengarah Urusan (*Managing Director*), Penang Global Tourism

Mereka semua adalah dilantik oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat yang komited kepada prinsip perkasakan rakyat, perkuasakan rakyat dan perkayakan rakyat, kami berdiri teguh dengan prinsip bahawa kaum hawa patut diberi peluang yang saksama bagi membolehkan mereka membuktikan kebolehan dan kewibawaan mereka.

Sekiranya kaum hawa dinafikan hak dan peluang untuk membuktikan kemampuan dan kebolehan mereka, mereka dialu-alukan untuk datang ke Pulau Pinang untuk menyumbang khidmat bakti.

Pulau Pinang akan memecahkan tradisi demi wanita!

Selamat Menyambut Hari Wanita

**LIM GUAN ENG**

Ketua Menteri Pulau Pinang